



KOSMO 14/4/09 M/S 14

## Aziz Deraman Naib Canselor UMT

KUALA TERENGGANU - Profesor Dr. Aziz Deraman (**gambar**) dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menggantikan Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin yang bersara mulai kelmarin.

Sebelum ini, Aziz ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) universiti tersebut sejak November 2007.

UMT dalam satu kenyataan memberitahu, Aziz, anak jati Terengganu, memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selain Sarjana Sains Komputer serta Ijazah Doktor Falsafah Sains Komputer dari United Kingdom.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Penganalisis Sistem di Kementerian Pertahanan pada 1982

sebelum bertukar ke UKM pada tahun 1985 sebagai Ketua Jabatan Sains Komputer.

Pada tahun 1992, beliau menjawat jawatan Timbalan Dekan di Fakulti Matematik dan Komputer serta Timbalan Pengarah Pusat Komputer UKM pada 1995.

Jawatan terakhir beliau di UKM adalah sebagai dekan pada 2001 hingga 2007 sebelum berkhidmat di UMT.